



Buku ini mengajak para pembaca untuk melihat isu-isu kehidupan di bawah bimbingan Al-Quran. Hal ini kerana isu-isu dalam kehidupan Muslim tidak boleh ditangani tanpa mengambil kira petunjuk-petunjuk yang ada dalam rujukan utama Islam, iaitu Al-Quran.

Dengan sentiasa melihat isu kehidupan di bawah bimbingan Al-Quran, ia akan mendekatkan diri Muslim dengan Al-Quran yang mana ia merupakan elemen penting dalam pembentukan peribadi seorang Muslim.

Inti pati daripada buku ini juga adalah membimbing Muslim untuk berfikir bersama ayat-ayat Al-Quran dan membina keupayaan untuk mengaitkannya dengan masalah kehidupan. Terdapat banyak ayat Al-Quran yang menganjurkan umatnya untuk berfikir. Muslim tidak boleh belajar agamanya secara dogmatik. Oleh itu, budaya berfikir mengenai apa yang tersurat dan tersirat adalah penting. Tiada pula sesuatu yang lebih penting bagi seorang Muslim daripada ayat-ayat Al-Quran yang dibaca untuk difikirkan, direnungkan dan dicerminkan dalam kehidupan ini.



Pesanan Ilahi,  
*Cerminkanlah*



*Pesanan Ilahi,*

*Cerminkanlah*



*40 ayat pilihan dalam Al-Qur'an untuk  
dicerminkan*

Muhammad Haniff Bin Hassan

Pesanan Ilahi,  
**Cerminkanlah . . .**

*– Muslim | Singapura | Hari Ini –*

Muhammad Haniff Hassan

DARUL  
TAFSIR  
AL-KHAIR

## PESANAN ILAHI, CERMINKANLAH . . .

Muhammad Haniff Hassan

© Muhammad Haniff Hassan, 2023

Cetakan pertama 2023

ISBN 978-981-18-5882-6

Diterbitkan oleh

Darul Tafsir Al-Khair

Al-Khair Mosque

1 Teck Whye Crescent Singapore 688847

Hak cipta dilindungi undang-undang. Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (*retrieval system*) ataupun dipancar walau melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran pihak penerbit terlebih dahulu.

Dicetak oleh

Markono Print Media Pte Ltd

# *Penghargaan*

Kami bersyukur kepada Allah taala kerana telah mengizinkan penerbitan buku ini.

Kami juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Ustaz Muhammed Faheem Abdul Khalil, Ustazah Kautsar Munain dan Ustaz Muhammad Hafiz Zulfahmi Mohamed Nasir serta semua pihak yang telah turut terlibat menyokong dan berganding bahu sehingga buku ini dapat dilancarkan.

Akhir sekali, terima kasih kepada Lembaga Pentadbir Masjid Al-Khair atas dorongan, sokongan dan kemudahan tempat kerja.

# Daftar Isi

|   |             |
|---|-------------|
| <i>Penghargaan</i>  | <i>iii</i>  |
| <i>Daftar Isi</i>   | <i>iv</i>   |
| <i>Kata Pengantar</i>   | <i>vii</i>  |
| <i>Kata Pengantar</i>   | <i>xi</i>   |
| <i>Prakata</i>  | <i>xiii</i> |
| Dahulukan yang Positif dan Baik dalam Berdakwah   | 1           |
| Pelajaran Kepimpinan<br>(Khususnya Kepimpinan Rumah Tangga)   | 5           |
| Berfikiran Jauh yang Menjangkau Beberapa<br>Generasi akan Datang  | 8           |
| Panduan Al-Quran tentang Menjadi Ilmuwan,<br>Menghukum dan Membuat Keputusan                            | 13          |
| Memberi Peluang kepada Mereka yang Pernah Tersilap  | 18          |
| Galakan untuk Bekerja secara Berjemaah<br>atau Berorganisasi  | 24          |
| Berhati-hati dengan Dakwaan atas Nama<br>Tuhan dan Agama  | 29          |
| Perumpamaan-perumpamaan dalam Al-Quran  | 33          |
| Pelajaran daripada Kisah Nabi Ibrahim Mencari Tuhan   | 39          |
| Al-Quran Memberi Nilai kepada Pengetahuan<br>yang Terperinci  | 44          |
| Anjuran Melihat Sesuatu Perkara dengan<br>Pendekatan Membeza-bezakan ( <i>Differentiated Approach</i> ) | 48          |
| Satu Ayat Al-Quran bagi Menjadi Muslim yang Baik  | 52          |

|   |     |
|---|-----|
| Adab Berbicara—Hendaklah Bersuara Rendah                          | 56  |
| Panduan Tentang Menerima dan Menyebarluaskan Berita dan Maklumat  | 60  |
| Panduan Al-Quran bagi Tangani Konflik                             | 64  |
| Adab Berbicara—Jauhi Perbuatan Mengejek dan Memberi Gelaran Buruk | 70  |
| Jauhi Bersangka-sangka (Zon) yang Dilarang                        | 74  |
| Larangan Mengumpat  | 78  |
| Larangan Mengintip  | 82  |
| Muslim tapi Belum Mukmin lagi                                     | 87  |
| Mengungkit-ungkit Sumbangan dalam Dakwah                          | 93  |
| Ketelitian dalam Mengadili Manusia                                | 98  |
| Mukjizat Al-Quran—Anggota Tubuh Manusia Berkata-kata di Akhirat   | 102 |
| Beridentiti yang Jelas dalam Dakwah                               | 105 |
| Mencontohi Allah sebagai Penguasa dan Yang Maha Gagah             | 110 |
| Memudahkan Penganut Agama Lain Beribadah adalah Ajaran Islam      | 113 |
| Lain Orang, Lain Bicara   | 119 |
| Berhukum dengan Sunnah Nabi s.a.w dalam Konteks Hari Ini          | 123 |

|   |     |
|---|-----|
| Imej Positif dalam Berdakwah                        | 128 |
| Mencegah Kemungkaran Tidak Mesti Bersifat Personal  | 132 |
| Allah Suka Sifat Rahmat yang Inklusif               | 138 |
| Pelajaran tentang Persiapan Diri dan Sasaran Dakwah | 142 |
| Contoh Pemimpin yang Bertanggungjawab               | 147 |
| Waspada akan Sifat Subjektif Akal Manusia           | 153 |
| Anjuran Berminda Inkuisitif                         | 158 |
| Erti Beristighfar                                   | 163 |
| Bagaimana Allah Taala Mengajak Manusia              |     |
| Beriman kepada Kebenaran                            | 169 |
| Pendekatan Rasional Dalam Menangani Kemungkaran     | 176 |
| Kasih dan Rahmat Allah Taala kepada Manusia         |     |
| Mendahului Kewajipan Mereka kepada-Nya              | 182 |
| Dwifungsi Wanita Muslimah                           | 187 |

## Kata Pengantar



Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh umat Islam adalah untuk menjadikan Islam relevan dalam dunia pascamoden. Adakah Al-Quran berperanan dalam kehidupan moden? Bolehkah Al-Quran menangani cabaran-cabaran serius yang dihadapi oleh setiap kelompok manusia, Muslim dan juga agama-agama yang lain di dunia moden ini?

Memang tidak diragukan lagi bahawa Al-Quran memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita. Al-Quran sudah sememangnya menjadi panduan asasi, mercu harapan bersama, dan penyelesaian masalah bagi semua.

Ini berasaskan ayat-ayat Al-Quran yang berikut:

“Ini ialah Kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan kepadamu supaya kamu mengeluarkan umat manusia seluruhnya daripada gelap-gelita kepada cahaya terang benderang dengan izin Tuhan mereka, iaitu menuju jalan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji.” (Surah Ibrahim:1)

“Kami turunkan kepadamu Al-Quran untuk menjelaskan setiap sesuatu dan menjadi petunjuk, serta pembawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang yang berserah diri.” (Surah An-Nahl:89)

Tetapi, bagaimakah Al-Quran itu dapat kita gunakan sebagai tiket untuk kita keluar daripada masalah dan kesusahan kita? Seseorang itu boleh mengatakan bahawa Al-Quran tidak akan pernah berubah, sedangkan kehidupan manusia sentiasa berubah. Ya, tidak diragukan lagi isi kandungan Al-Quran adalah muktamad dan tidak akan ada penambahan atau pengurangan di dalamnya, tetapi makna pada setiap ayat, sebab penurunannya serta prinsip-prinsip Al-Quran, ini semua antara faktor-faktor yang akan membantu dalam membawa penyelesaian di dunia moden sekarang. Dengan itu, Darul Tafsir Al-Khair telah mendapatkan pertolongan Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan untuk berkongsi artikel-artikel yang berfokuskan Tafsir Tematik, bersesuaian dengan konteks Singapura dan juga situasi dunia moden.

Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk membina jambatan antara firman Allah taala dan kehidupan seharian kita. Kita semua akur bahawa Al-Quran adalah relevan dari masa ke semasa, maka pemahaman tentang sains Al-Quran dan pendekatan kontekstual diperlukan untuk memahami makna Al-Quran agar ianya dapat diimplementasikan ke dalam semua lapisan masyarakat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan kerana sudi membenarkan artikel-artikel yang diusahakan beliau sendiri untuk diterbitkan oleh Darul Tafsir Masjid Al-Khair. Saya berharap buku ini dapat mengeratkan lagi hubungan kita dengan Allah taala serta mengarahkan kita untuk terus tetap teguh di atas landasan yang direndai oleh-Nya.

Semoga Allah taala menerima dan memberkati usaha ini serta menjadikannya cahaya petunjuk bagi sekalian manusia.

MUHAMMED FAHEEM BIN ABDUL KHALIL

DARUL TAFSIR, MASJID AL-KHAIR

OKTOBER 2022



## Kata Pengantar



Nabi s.a.w bersabda dalam sebuah hadith yang bermaksud:

"Sebaik-baik kalian adalah yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya." (HR. Al-Bukhari)

Al-Quran adalah kitab suci umat Islam yang berfungsi sebagai kitab petunjuk bagi kehidupan umat manusia dan juga kitab yang membawa solusi kepada umat manusia sejagat. Al-Quran mengandungi firman Allah taala yang suci, diturunkan oleh makhluk Allah yang suci, kepada Rasul Allah yang suci, bukan hanya sebuah buku yang mengandungi tulisan semata-mata.

Al-Quran adalah mukjizat yang tidak dapat dirasai oleh pancaindera, tetapi dapat digenggam oleh perasaan, akal fikiran dan renungan yang mendalam.

Oleh yang sedemikian, buku ini disusun agar pembaca dapat memperluaskan ilmu dan pemahaman tentang Tafsir Al-Quran yang kami sajikan berdasarkan artikel-artikel yang ditulis oleh Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan, seorang tokoh yang

tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Singapura. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan atas usahanya menghasilkan artikel-artikel ini dan juga kerana membenarkan tulisannya diterbitkan oleh Darul Tafsir, Masjid Al-Khair.

Saya berharap agar kajian terhadap Al-Quran terus digalakkan dalam pelbagai segi di tengah kehidupan masyarakat moden ini. Al-Quran yang sekarang adalah sama dengan Al-Quran pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabatnya. Jika pada masa lalu, Al-Quran dapat mengubah sejarah kehidupan umat manusia, maka kita selaku generasi yang gigih perlu mengambil alih usaha bagi menghidupkan kembali semangat Al-Quran. Terdapat kekuatan pada Al-Quran yang dapat mengubah masyarakat dan yang dapat melakukan semua ini adalah kita, umat Islam. Kita adalah pembawa amanah Al-Quran.

Akhir kata, semoga buku ini dapat memberikan wawasan yang lebih luas dan menjadi sumbangsan pemikiran kepada pembaca, khususnya penduduk Singapura. Kami mengalau-alukan sebarang maklum balas dan saranan demi pemberian penerbitan buku-buku Darul Tafsir, Masjid Al-Khair pada masa yang akan datang, InsyaAllah.

HAJI ABDUL WAHAB AHMAD  
LEMBAGA PENTADBIR MASJID AL-KHAIR  
(SENIOR MOSQUE LEADER)  
OKTOBER 2022

## Prakata



Alhamdulillah, koleksi ketiga daripada Mimbar Darul Tafsir yang diterbitkan secara dwimingguan telah dapat diterbitkan untuk bacaan umum. Koleksi ketiga ini diberi tajuk *Pesanan Ilahi... Cerminkanlah*.

Buku ini adalah lanjutan daripada koleksi pertama *Pesanan Ilahi...Renungkanlah*, dan kedua *Pesanan Ilahi...Fikirkanlah*. Koleksi ketiga ini yang bertajuk *Pesanan Ilahi...Cerminkanlah* mengekalkan konsep yang sama seperti buku pertama dan kedua. Perbezaan kecil pada tajuk sebagai petanda bagi membezakan setiap jilid.

Sekali lagi, saya menyampaikan rasa syukur kepada Allah taala atas penerbitan buku ini kerana tanpa izin dan bantuan-Nya dalam memberi idea, tenaga dan masa, buku ini tidak akan berada di tangan para pembaca sekalian. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya juga sekali lagi untuk kepimpinan Masjid Al-Khair yang sudi menaja penerbitan buku ini dan staf masjid yang sentiasa bersedia membantu usaha ini.

Koleksi ketiga ini mengumpulkan 40 tajuk untuk renungan dan dengan ini jumlah keseluruhan tajuk ketiga-tiga koleksi menjadi genap satu ratus.

Penerbitan koleksi ketiga ini dilakukan serentak dengan edisi kedua bagi koleksi pertama dan kedua disebabkan stok yang sudah berkurangan dan memenuhi permintaan. Hal ini juga membolehkan ketiga-tiga koleksi dijual secara bersama dalam satu pakej dan kulit buku yang baru.

Saya memilih bagi ketiga-tiga kulit buku tema sebiji kacang hijau yang tumbuh menjadi pokok taugeh. Tema ini dipilih bagi menyampaikan pesanan yang selaras dengan konsep utama buku-buku ini, iaitu tiada satu ciptaan Tuhan, walau sebiji kacang hijau dan pokok taugeh yang kecil, yang patut terlepas daripada direnungkan, difikirkan dan dicerminkan oleh seorang Muslim kerana Allah taala juga tidak meremehkan nyamuk dan lalat yang kecil untuk dijadikan bahan perumpamaan dan renungan manusia sebagaimana yang disebut dalam firman-Nya,

*“Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar daripada Tuhan mereka dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan benda ini? (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan ramai orang sesat dengan sebab perbandingan itu dan akan menjadikan ramai orang mendapat petunjuk dengan sebabnya dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik.” (Al-Baqarah:26)*

“Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. *Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain daripada Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya dan jika lalat itu mengambil sesuatu daripada mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya.* (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (daripada mendapat hajatnya) dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya).” (Al-Haj: 73)

Akhir sekali, saya terus berdoa agar pembaca buku ini dikurniakan oleh Allah taala kekuatan untuk sentiasa membaca dan merenung ayat-ayat Al-Quran dan buku ini dapat menjadi pemangkin dan pemudah bagi pembaca untuk melakukannya.

MUHAMMAD HANIFF HASSAN

FELO

SEKOLAH PENGAJIAN ANTARABANGSA S. RAJARATNAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI NANYANG, SINGAPURA